

Tatakelakuan Wistron Group

Wistron Corporation (selepas ini dirujuk sebagai "Wistron", "Kami" atau "Syarikat") komited terhadap pembangunan mampan syarikat. Kami menyedari bahawa dalam usaha mengejar pertumbuhan mampan syarikat, strategi perniagaan perlu mengambil kira impak dan kesan terhadap masyarakat dan alam sekitar. Oleh itu, kami akan terus berusaha ke arah tersebut dengan visi "Kelestarian melalui Inovasi". Untuk mewujudkan nilai dan budaya yang selaras bagi semua kakitangan Wistron dan panduan dalam menjalankan aktiviti perniagaan, Tatakelakuan (selepas ini dirujuk sebagai Tatakelakuan) ini digubal. Tatakelakuan ini terpakai kepada semua pihak dalam Syarikat, anak-anak Syarikat dan usaha sama yang berkaitan dengan Syarikat, termasuk pengarah, penyelia, pengurus dan pekerja.

Bab I Etika dan Operasi Perniagaan

Integriti merupakan nilai teras dan asas operasi perniagaan Wistron. Kami komited untuk melaksanakan nilai teras syarikat, mematuhi standard etika profesional yang tinggi, yang memerlukan semua kakitangan terlibat dalam pekerjaan dan perniagaan harian, mematuhi piawaian etika kelakuan untuk mengekalkan reputasi syarikat.

Artikel 1 Rasuah dan Sogokan

Integriti merupakan nilai teras dan asas operasi perniagaan Wistron. Kami melarang keras sebarang unsur rasuah, sogokan atau sebarang ganjaran yang tidak wajar. Semua fungsi perniagaan adalah tertakluk pada keperluan yang sama, dan Kami tidak akan sekali-kali membenarkan sebarang penerimaan atau pemberian hadiah, tawaran atau ganjaran yang boleh dianggap sebagai sogokan.

1. Ketika terlibat dalam urusan rasmi syarikat, anda dilarang secara langsung atau tidak langsung menawarkan, berjanji, menuntut atau terlibat dalam tindakan yang melanggar integriti, menyalahi undang-undang atau pecah amanah.
2. Apabila menerima hadiah atau ganjaran atas sebab suatu jawatan, anda hendaklah mengelak supaya tidak menjejaskan pelaksanaan perniagaan dan konflik kepentingan, dan hendaklah mematuhi prinsip etika dan konvensyen sosial.

Artikel 2 Konflik Kepentingan

Semua kakitangan Wistron hendaklah mengelakkan diri daripada sebarang situasi yang boleh menyebabkan konflik kepentingan peribadi dengan kepentingan Syarikat semasa menjalankan operasi perniagaan. Sekiranya anda menyedari atau menghadapi (tetapi tidak terhad pada) keadaan tersebut, anda harus melaporkan secara proaktif dan lengkap kepada pegawai atasan anda atau pegawai tertinggi Jabatan Sumber Manusia (untuk orang selain daripada pengarah) atau lembaga pengarah (untuk pengarah) sebarang konflik antara kepentingan peribadi dan kepentingan syarikat:

1. Jawatan yang disandang atau perniagaan yang dijalankan mungkin boleh menjurus kepada ganjaran yang tidak wajar untuk diri mereka sendiri, pasangan dan saudaramara terdekat (termasuk tetapi tidak terhad pada sebarang bentuk termasuk wang, hadiah, komisen, jawatan, perkhidmatan, keistimewaan, sogokan, dsb.), atau yang boleh menjejaskan pengendalian dan pertimbangan tugas rasmi.
2. Terlibat dengan aktiviti di luar Syarikat yang menyebabkan persaingan secara

langsung dengan perniagaan Syarikat, atau sebarang kerja dan tanggungjawab yang boleh mengganggu tugas sendiri.

3. Menggunakan sumber Syarikat (seperti: maklumat, barangan, harta, dsb.) tanpa kebenaran Syarikat untuk terlibat dalam aktiviti selain daripada perniagaan Syarikat. Pada masa proses pelantikan, pasangan atau saudara darjah ketiga orang yang dicadangkan sudah berada di jabatan yang sama, permohonan itu hendaklah diluluskan oleh Ketua Pegawai Eksekutif.

Artikel 3

Perdagangan yang Adil

Wistron melarang daripada terlibat dalam persaingan tidak adil dan semua kakitangan hendaklah mematuhi prinsip berikut apabila terlibat dalam aktiviti perniagaan:

1. Aktiviti perniagaan hendaklah dijalankan mengikut undang-undang dan peraturan persaingan yang berkaitan, dilarang terlibat dalam menetapkan harga, memanipulasi tawaran, mengehadkan pengeluaran dan kuota, atau berkongsi atau membahagikan pasaran dengan cara memperuntukkan pelanggan, pembekal, kawasan operasi atau jenis perniagaan.
2. Sekiranya terdapat keraguan yang berkaitan dalam pelaksanaan perniagaan, anda perlu segera merujuk kepada pegawai atasan atau jabatan undang-undang. Sekiranya terdapat sebarang perkara yang melibatkan atau melanggar peraturan yang berkaitan, perkara itu hendaklah dilaporkan segera kepada pegawai atasan jabatan.

Artikel 4

Transaksi Dalaman

Kami akan mematuhi undang-undang dan peraturan yang berkaitan mengenai transaksi dalaman untuk melindungi hak dan kepentingan pelaburan orang awam, membolehkan pembeli dan penjual mendapatkan maklumat yang sama, dan menggalakkan kesaksamaan transaksi pasaran sekuriti, adalah dilarang bagi sesiapa pun boleh terlibat dalam perbuatan berikut:

1. Apabila mengetahui maklumat yang boleh memberikan kesan penting ke atas harga sekuriti Syarikat, dan maklumat itu didapati tepat sebelum pendedahan awam atau dalam tempoh 18 jam selepas pendedahan awam, pembelian atau penjualan, atas nama individu tersebut atau atas nama orang lain, saham Syarikat yang disenaraikan di bursa atau pasaran di kaunter, atau sebarang sekuriti jenis ekuiti Syarikat yang lain.
2. Apabila mengetahui maklumat yang boleh memberikan kesan penting terhadap keupayaan Syarikat untuk membayar pokok atau faedah, selepas maklumat itu didapati tepat sebelum pendedahan awam atau dalam tempoh 18 jam selepas pendedahan awam, menjual, atas nama individu tersebut atau atas nama orang lain, bon korporat bukan jenis ekuiti syarikat tersebut yang disenaraikan di bursa atau pasaran di kaunter.

Artikel 5

Pengubahan wang haram

Syarikat mematuhi undang-undang dan peraturan yang berkaitan mengenai pencegahan pengubahan wang haram, melarang dan memerangi pengubahan wang haram, pengelakan cukai, pelanggaran sekatan dan aktiviti jenayah lain, mengamalkan dasar toleransi sifar untuk jenayah pengubahan wang haram, komited untuk mengukuhkan pelbagai mekanisme pencegahan pengubahan wang haram, bekerjasama dengan keperluan institusi kewangan, menyediakan dokumen berkaitan yang diperlukan untuk pengesahan identiti, dan meningkatkan kesedaran dan Kewaspadaan pekerja untuk mencegah pengubahan wang

haram dan penipuan.

Artikel 6 Sumbangan Politik

Kakitangan Wistron yang menyumbang secara langsung atau tidak langsung kepada parti politik atau organisasi atau individu yang terlibat dalam aktiviti politik hendaklah tertakluk kepada prinsip berikut:

1. Apabila Wistron terlibat dalam derma politik, ia hendaklah mematuhi undang-undang dan peraturan yang berkaitan dan tidak boleh mencari faedah komersial atau kelebihan transaksi. Sebarang sumbangan politik yang sah atas nama Wistron, tanpa mengira jumlahnya, hendaklah diluluskan oleh Pengerusi Lembaga Pengarah sebelum ia boleh dibuat.
2. Kakitangan Wistron tidak boleh membuat sumbangan politik secara langsung atau tidak langsung bagi pihak Syarikat tanpa kelulusan.
3. Anda tidak boleh menggunakan mana-mana harta Wistron, kemudahan atau terlibat dalam sebarang aktiviti politik semasa waktu perniagaan.

Artikel 7 Sumbangan Amal dan Penglibatan Sosial

Untuk melaksanakan falsafah perniagaan "altruistik" Wistron, kami melaburkan sumber dalam memenuhi tanggungjawab sosial korporat kami melalui sumbangan amal dan penglibatan sosial. Derma atau tajaan yang dibuat oleh Wistron hendaklah dikendalikan berdasarkan Langkah Pentadbiran untuk Derma Amal dan Tajaan, dan tidak boleh diselindungi sebagai tujuan rasuah atau keuntungan. Derma atau tajaanamal hendaklah dibuat mengikut prinsip berikut:

1. Mematuhi peruntukan undang-undang dan peraturan tempat Syarikat beroperasi.
2. Ganjaran yang diterima sebagai balasan penajaan hendaklah jelas dan munasabah dan tidak boleh menjadi objek urus niaga komersial atau orang yang mempunyai kepentingan dalam Wistron.
3. Selepas derma atau penajaan selesai, perkara ini perlu disahkan bahawa tujuan saluran wang tersebut selaras dengan tujuan pendermaan.

Artikel 8 Keselamatan Maklumat

1. Untuk melindungi aset syarikat dan hak pihak yang berkepentingan, Wistron telah mewujudkan "dasar keselamatan maklumat", secara berterusan mengukuhkan tadbir urus keselamatan maklumat, dan mewujudkan sistem dan mekanisme keselamatan maklumat yang kukuh untuk memastikan kerahsiaan, integriti dan ketersediaan maklumat aset.

2. Semua kakitangan Wistron mesti mematuhi tingkah laku berikut:
 - (1) Dilarang mendedahkan maklumat sulit.
 - (2) Dilarang mengakses kepada maklumat orang lain tanpa kebenaran.
 - (3) Dilarang memuat turun, memasang dan mengedar perisian atau data yang tidak dibenarkan.
 - (4) Dilarang memintas rangkaian secara haram dan menceroboh sistem komputer orang lain.
 - (5) Dilarang memasang atau mengedarkan program atau peranti yang mengganggu sistem orang lain.
 - (6) Dilarang menggunakan sumber rangkaian syarikat untuk menjalankan kerja yang

tidak berkaitan dengan perniagaan syarikat.

- (7) Memastikan komputer peribadi anda selamat, seperti memasang perisian antivirus, menetapkan kata laluan yang kukuh, memasang tampalan (patch), dsb.
- (8) Dilarang membawa media storan seperti komputer riba dan kepingan cakera masuk dan keluar dari premis syarikat dan mesti mematuhi langkah kawalan yang berkaitan.
- (9) Sekiranya berlaku pelanggaran, anda perlu menyerahkan rekod yang berkaitan kepada pegawai atasan untuk kawal selia dan penambahbaikan, jikakeadaannya lebih serius, perbincangan dan liabiliti undang-undang hendaklah dikendalikan mengikut polisi dan prosedur disiplin Syarikat.

Bab II Perlindungan Hak Asasi Manusia

Artikel 9 Hak Asasi Manusia

1. Penilaian hak asasi manusia

Kami menjalankan secara berkala penilaian risiko/usaha wajar hak asasi manusia dan mengambil inisiatif penambahbaikan yang sewajarnya untuk mengurangkan kesan negatif terhadap perlindungan hak asasi manusia.

2. Anti Diskriminasi

Larangan diskriminasi dalam segala aspek termasuk geografi, bangsa, etnik atau latar belakang pendidikan, kelas sosial, keturunan, agama, kecacatan fizikal, jantina, orientasi seksual, kehamilan, status perkahwinan, keahlian kesatuan, pendirian politik, penampilan, umur atau gabungan kesatuan. Disamping itu, syarikat amat menggalakkan pengambilan pekerja daripada golongan orang kurang upaya.

3. Layanan yang berperikemanusiaan dan anti-buruh paksa

Layanan pekerja yang tidak berperikemanusiaan, termasuk sebarang bentuk keganasan, gangguan, pelanggaran, mendera, penindasan secara mental atau fizikal, buli, penghinaan secara terbuka, atau penderaan secara lisan, adalah dilarang sama sekali, termasuk ancaman untuk melakukan perkara tersebut. Buruh paksa, pengurangan, atau ancaman untuk memaksa buruh melakukan kerja adalah dilarang sama sekali.

Artikel 10 Dasar Privasi

1. Wistron komited untuk melindungi data peribadi pekerja, pelanggan, pembekal dan juga pengguna (termasuk tetapi tidak terhad kepada pelawat laman web Wistron, pengguna produk atau perkhidmatan kami, pekerja pelanggan korporat, kontraktor, pemohon kerja, pelawat ke Wistron, dll). Dalam memastikan perlindungan dan pengurusan data peribadi dan mengurangkan kesan insiden pendedahan data peribadi, "Dasar Privasi" dan "Dasar Perlindungan Dan Pengurusan Data Peribadi" dibentuk sebagai prinsip panduan tertinggi untuk perlindungan privasi.

2. Tindakan Wistron untuk perlindungan privasi adalah seperti berikut:

- (1) Peruntukan, pengumpulan, penggunaan dan penyimpanan data peribadi hendaklah berdasarkan prinsip tidak melampaui skop tujuan tertentu dan mengikut peraturan dan undang-undang perlindungan privasi yang berkaitan dan di bawah premis aktiviti perniagaan yang sah.

- (2) Mengguna pakai mekanisme kawalan keselamatan yang ketat untuk

perlindungan data peribadi untuk mengelakkan daripada pencerobohan dan capaian data secara tidak sah.

Artikel 11 Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan

1. Wistron bertanggungjawab dan wajib untuk menyediakan persekitaran kerja yang sihat dan selamat untuk semua pekerja. Kami mewujudkan sistem pengurusan keselamatan dan kesihatan pekerjaan untuk menjalankan penilaian risiko dan penambahbaikan prosedur yang mengurangkan bahaya kesihatan dan keselamatan. Kami menggubal Dasar Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, dan komited untuk:
 - (1) Meningkatkan operasi dan prestasi sistem pengurusan keselamatan dan kesihatan pekerjaan.
 - (2) Meningkatkan penyertaan dan kesedaran pekerja tentang keselamatan dan kesihatan.
 - (3) Mencegah kecederaan dan penyakit berkaitan pekerjaan.
2. Dalam pengurusan kilang, kami mengambil langkah-langkah berikut untuk melindungi semua pekerja:
 - (1) Mengawal dan mengurangkan bahaya melalui sistem pengurusan, pencegahan dan amaran awal, seperti kawalan kejuruteraan dan perlindungan keselamatan
 - (2) Melaksanakan langkah-langkah bagi melindungi ibu mengandung dan yang menyusukan bayi.
 - (3) Mewujudkan persediaan kecemasan dan merancang untuk menjalankan latihan secara berkala sebagai tindak balas terhadap kemalangan atau kecemasan.
 - (4) Mewujudkan prosedur pengurusan untuk mencegah kecederaan dan penyakit pekerjaan, seterusnya membantu pekerja untuk kembali bekerja.
 - (5) Menyelenggara dan membaik pulih mesin dan peralatan secara berkala untuk mengelakkan kecederaan.
 - (6) Menyediakan asrama dan makanan yang bersih, selamat dan sihat.
 - (7) Menyediakan latihan yang berkaitan dan mempromosi untuk meningkatkan kesedaran keselamatan.

Bab III Perlindungan Alam Sekitar

Untuk mengurangkan kesan negatif operasi kami kepada alam sekitar, Wistron, disamping membangunkan produk dan perkhidmatan hijau berkualiti tinggi, juga komited terhadap keprihatinan alam sekitar, dan merumuskan Dasar Alam Sekitar dan Biodiversiti & Tiada Penebangan Hutan untuk penjimatan tenaga dan pengurangan karbon, dan kami komited untuk:

1. Berusaha untuk menjimatkan tenaga dan meningkatkan nisbah tenaga boleh diperbaharui bagi mengurangkan perubahan iklim.
2. Menyokong peralatan yang cekap tenaga dan menambahbaik program, dan menggunakan pakai teknologi mesra alam untuk mengurangkan pelepasan bahan tercemar.
3. Mengamalkan kitar semula air dan mengurangkan sisa.
4. Menyediakan produk dan perkhidmatan hijau, dan mengamalkan konsep penjimatan tenaga dan pengurangan karbon, penjimatan bahan, bahan berbahaya dan pemulihan sumber.
5. Mengekalkan, meningkatkan, dan memulihara biodiversiti, dan mencegah sebarang aktiviti penebangan hutan yang boleh menyebabkan kepupusan sumber asli.

- Artikel 12 Melaksanakan Task Force on Climate-Related Financial Disclosure (TCFD) termasuk penjimatan tenaga dan meningkatkan nisbah tenaga boleh diperbaharui seterusnya mengurangkan perubahan iklim.
- Artikel 13 Kami akan melaksanakan pengurusan sumber air dan pemuliharaan air kegunaan harian untuk meningkatkan kecekapan penggunaan sumber air. Kami akan merawat air sisa dengan bersistematik sebelum melepaskan semula, dan secara berterusan menjalankan aktiviti pemantauan untuk memastikan pematuhan terhadap undang-undang dan peraturan. Kami secara aktif mempromosikan pengurangan sisa dan mengitar semula tanpa penggunaan bahan terlarang dan bahan mentah. Wistron akan menjalankan penambahbaikan teknologi dan mencari bahan mesra alam. Kami akan menilai atau melakukan inventori aliran sisa dan bahan berbahaya untuk meminimumkan pengeluaran sisa. Kami akan mengurangkan pencemaran melalui teknologi yang mesra alam.
- Artikel 14 Kami komited dalam penyelidikan dan pembangunan produk, reka bentuk, pembuatan dan perkhidmatan, dengan pemikiran kitaran hayat. Wistron akan menyepadukan konsep kitaran ekonomi, reka bentuk dan pembangunan mampan produk. Kami akan memastikan sumber digunakan secara berterusan membentuk kitaran hijau model perniagaan yang mampan.
- Artikel 15 Syarikat mengelak daripada beroperasi di lokasi yang berdekatan dengan kawasan biodiversiti yang penting. Berkenaan dengan tapak operasi, reka bentuk dan pembangunan produk, dan perolehan bahan mentah kami, Syarikat menjalankan penilaian risiko untuk biodiversiti dan penebangan hutan, dan mengambil langkah-langkah untuk mengelakkan, meminimumkan, memulihkan, dan mengimbangi kesannya terhadap biodiversiti.

Bab IV Mekanisme Pengurusan

- Artikel 16 Unit Kuasa dan tanggungjawab
Sumber Manusia & Pentadbiran Global Wistron mempunyai kuasa dan tanggungjawab utama untuk pelaksanaan Kod ini dan telah menetapkan prosedur yang diperlukan untuk memastikan pelaksanaan Kod ini.
- Artikel 17 Kepatuhan
Semua pekerja hendaklah mematuhi peraturan Tatakelakuan ini, tindak tanduk pekerja terhadap pematuhan akan turut dimasukkan dalam penilaian prestasi yang mana keputusan penilaian tersebut boleh memberi kesan terhadap bonus dan kenaikan pangkat mereka.
- Artikel 18 Latihan
Menjalankan latihan tahunan mengenai Kod ini dan mekanisme pemberi maklumat untuk semua kakitangan dan menilai keberkesanan latihan.
- Artikel 19 Hukuman pelanggaran
Kami tidak bertoleransi atas sebarang pelanggaran terhadap Tatakelakuan ini dan kami akan membuat siasatan secara menyeluruh keatas laporan pelanggaran secara sewajarnya. Sekiranya pelanggaran terhadap Tatakelakuan ini berlaku, Wistron boleh mengambil tindakan atau menahan bonus prestasi / tahunan dsb., bergantung kepada tahap keseriusan pelanggaran tersebut. Dan jika ianya serius tindakan penamatan perkhidmatan boleh dilakukan mengikut undang-undang dan peraturan dimana Syarikat tersebut beroperasi dan juga mengikut peruntukan kontrak pekerjaan. Pesalah juga boleh dibawa ke muka pengadilan dan dikenakan tuntutan tertakluk kepada undang-undang dan peraturan yang

berkaitan.

Artikel 20 Saluran pertanyaan
Sebarang soalan mengenai Kod ini boleh dikemukakan melalui jabatan Sumber Manusia dan Pentadbiran Global Wistron Syarikat-syarikat subsidiari dan usaha sama yang mana Syarikat mempunyai pengaruh yang ketara, masing-masing boleh mewujudkan saluran perundingan.

Artikel 21 Mekanisme untuk Pemberi Maklumat
Jabatan Sumber Manusia dan Pentadbiran Global Wistron ialah unit utama yang bertanggungjawab untuk melaporkan kes. Sesiapa sahaja boleh melaporkan melalui alamat e-mel (Ethic@wistron.com) atau platform yang disediakan di laman web rasmi. Selepas penerimaan, kes akan dikendalikan atau disiasat oleh orang/unit yang berdedikasi bergantung pada jenis dan kandungan kes. Jika laporan itu melibatkan pekerja am, ia hendaklah dilaporkan kepada ketua jabatan atau ketua eksekutif jabatan Sumber Manusia dan Pentadbiran Global; jika laporan itu melibatkan pengarah atau eksekutif kanan, ia hendaklah dilaporkan kepada ketua eksekutif jabatan Audit atau pengarah bebas. Jabatan Audit hendaklah bertanggungjawab untuk menyelia penyiasatan dan prosedur pengendalian untuk laporan.

Bagi kes yang dilaporkan diterima, aktiviti penyiasatan hendaklah dijalankan mengikut prosedur berikut:

1. Mengikut jenis kes, jabatan/orang bebas akan ditugaskan untuk bertanggungjawab ke atas pelaksanaan aktiviti penyiasatan, dan prinsip kerahsiaan yang berkaitan hendaklah dipatuhi.
2. Kumpul latar belakang kes dan maklumat sekunder yang berkaitan.
3. Temu bual pemberi maklumat, orang yang dilaporkan, dan orang lain yang berkaitan dengan kes itu, dan selanjutnya kumpulkan maklumat utama yang berkaitan.
4. Menganalisis dan menilai semua dokumen kes untuk mengesahkan sama ada terdapat sebarang pelanggaran Polisi ini, peraturan dalaman atau undang-undang yang berkaitan.
5. Serahkan laporan siasatan kes dan cadangkan langkah-langkah yang sesuai.

Wistron komited untuk mengekalkan kerahsiaan identiti pemberi maklumat dan kandungan laporan serta menerima laporan tanpa nama.

Wistron telah menerima pakai dasar toleransi sifar untuk tindakan balas terhadap tindakan pemberi maklumat, dan telah mengambil langkah tatatertib berikut untuk melindungi pemberi maklumat daripada layanan buruk untuk melaporkan insiden, bergantung pada keterukan tindakan balas dan tahap pelanggaran Polisi ini

1. Melaksanakan tindakan tatatertib, termasuk amaran lisan atau bertulis, penggantungan sementara dan penamatan pekerjaan.
2. Membantu pemberi maklumat dalam mengejar hak undang-undang mereka, bergantung pada keadaan kes individu, jika terdapat syak wasangka aktiviti haram.
3. Melalui latihan pendidikan dan promosi Kod Tatakelakuan, tekankan kepentingan melindungi pemberi maklumat dan mendidik pekerja tentang definisi dan akibat tindakan balas untuk mengelakkan kejadian serupa daripada berulang.

Artikel 22

Pelaksanaan dan semakan

Tatakelakuan ini akan dilaksanakan selepas diterima pakai oleh Lembaga Pengarah dan sepertimana pindaan dibuat.

Tatakelakuan ini disediakan pada 23 Disember 2021.

Pindaan pertama telah dibuat pada 16 Mac 2022.

Pindaan kedua telah dibuat pada 11 Mei 2023.

Pindaan ke-3 telah dibuat pada 12 Ogos 2024.

Pindaan keempat telah dibuat pada 12 Ogos 2025.